

# Sekatan masuk Malaysia diperluas

Pelawat dari Zhejiang, Jiangsu pula dihalang masuk Malaysia

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

KUALA LUMPUR

Malaysia memperluas sekatan perjalanan ke atas pelancong China dari Wilayah Zhejiang dan Jiangsu berkuat kuasa serta-merta ekoran koronavirus.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, sekatan membatikan larangan kemasukan pelawat dari lima bandar di wilayah Zhejiang dan dua bandar di wilayah Jiangsu.

Sebelum ini, katanya, Malaysia hanya melakukan sekatan bagi Wilayah Hubei membatikan 16 bandar di situ.

“Kementerian Luar sudah memaklumkan pihak berkuasa



WAN AZIZAH

di China termasuk pihak berkuasa tempatan supaya membuat sekatan membatikan tiga wilayah iaitu Hubei, Zhejiang dan Jiangsu.

“Selaras dengan keputusan pada 27 Januari lalu iaitu sekatan perjalanan akan dikuatkuasakan mengikut wilayah yang dikenakan sekatan oleh pemerintah China, negara memutuskan memperluas tindakan itu kepada dua lagi wilayah iaitu Zhejiang dan Jiangsu.

“Jabatan Imigresen Malaysia diminta memperketat lagi se-



**Penduduk dari tiga wilayah di China dihalang masuk ke Malaysia**

## Jiangsu

Ibu negeri: Nanjing  
Jumlah penduduk: 80.4 juta  
Keluasan: 102,600 km<sup>2</sup>

## Zhejiang

Ibu negeri: Hangzhou  
Jumlah penduduk: 57.4 juta  
Keluasan: 101,800 km<sup>2</sup>

## Hubei

Ibu negeri: Wuhan  
Jumlah penduduk: 58.6 juta  
Keluasan: 185,900km<sup>2</sup>

katan kepada semua pelancong tanpa mengira kerakyatan bagi yang pernah mengunjungi atau berada di tiga wilayah tersebut supaya tidak memasuki Malaysia dalam tempoh 14 hari selepas itu,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri program sambutan Tahun Baru

Cina 2020 di sini semalam.

Wan Azizah berkata, Kementerian Kesihatan, imigresen dan agensi lain yang bertugas di Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar di Johor Bahru juga diminta meningkatkan kawalan dan memberi nasihat sewajar-

nya kepada orang ramai yang melalui pintu masuk berkenaan.

“Memandangkan situasi masih terkawal, tidak ada keperluan untuk menyekat terus perjalanan keluar masuk dari China kecuali tiga wilayah membatikan 23 bandar yang dikenakan sekatan,” katanya.